

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0: Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan metodologi kajian yang memperlihatkan Rekabentuk Kajian, Instrumen Kajian, Subjek Kajian, Kaedah Kajian, Populasi, Pentadbiran Soal Selidik dan Prosedur Penganalisaan Data.


#### **3.1: Rekabentuk Kajian**

Penyelidikan ini adalah berbentuk perihalan ( deskriptif ) yang bertujuan untuk melihat tahap-tahap keimbangan dan punca-punca keimbangan di kalangan guru-guru di sekolah berdasarkan pembolehubah yang dikaji iaitu jantina.

Sekolah-sekolah menengah harian yang dipilih untuk kajian ini adalah sekolah menengah harian yang berada di sekitar Pelabuhan Klang yang terdiri dari Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Hamzah, Sekolah Menengah Kebangsaan Pandamaran Jaya, Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Zarina, Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Jemaah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Lumu.

Kajian dirancang seperti kerangka konsep pada Rajah 3.1

**RAJAH 3.1 : Rajah Kerangka Konseptual**



Berdasarkan Rajah 3.1 objektif kajian adalah mengkaji tahap kebimbangan dan punca-punca kebimbangan dan perhubungan tahap kebimbangan guru-guru berdasarkan jantina. Punca kebimbangan dikategorikan kepada tujuh kategori iaitu pihak pengurusan dan pentadbir, rakan sekerja, pelajar-pelajar, PIBG, tugas sebagai guru, tempat/persekutaran dan dasar-dasar pendidikan.

### **3.2: Populasi Dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini ialah guru-guru yang sedang mengajar di beberapa buah sekolah menengah harian di Pelabuhan Klang. Seramai 73 orang guru telah dipilih untuk menjadi sample kajian ini. Mereka terdiri daripada beberapa orang guru lelaki dan beberapa orang guru perempuan di setiap buah sekolah yang telah dipilih oleh pengkaji. Pemilihan sampel telah dibuat secara rawak berstrata yang mengambil kira faktor jantina.

### **3.3 : Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik dan alat ukuran ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A yang berkaitan dengan latar belakang sekolah,bahagian B taraf sekolah tersebut dalam beberapa aspek,bahagian C latar belakang responden manakala bahagian D yang mengandungi 54 item soalan untuk mengukur tahap dan punca-punca keimbangan.Item-item tersebut dibahagikan kepada 7 kategori punca keimbangan yang menjadi garis panduan utama untuk melancarkan lagi kajian ini.

### **Bahagian A**

Bahagian ini mengandungi 17 item soalan bagi mendapatkan maklumat tentang latar belakang sekolah yang telah dipilih.

### **Bahagian B**

Bahagian ini mengandungi 13 item untuk mendapatkan maklumat mengenai taraf sekolah dalam beberapa aspek berdasarkan dari pendapat responden. Penilaian dibuat oleh responden berdasarkan kepada jumlah purata peratusan markah dari kurang 35 % kepada melibih 86 %.

### **Bahagian C**

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan latar belakang responden. Item-item yang terdapat dalam bahagian ini terdiri daripada jantina responden, umur responden, bangsa responden, kelulusan akademik tertinggi, kelulusan iktisas, pengalaman bertugas sebagai guru terlatih dan jumlah tahun berkhidmat di sekolah yang dikaji.

## **Bahagian D**

Bahagian ini mengandungi 54 item untuk mendapatkan maklumat punca kebimbangan dari tujuh aspek utama iaitu pengurusan dan pentadbiran, rakan sekerja, pelajar-pelajar, PIBG, tugas sebagai guru, tempat dan persekitaran serta pelaksanaan dasar-dasar pendidikan. Analisa soalan adalah seperti dalam jadual 3.1.

**Jadual 3.1 : Kategori Punca Kebimbangan**

Bil.	Kategori Punca Kebimbangan	Susunan Item
1.	Pihak pengurusan dan pentadbiran	1 - 16
2.	Rakan sekerja	17 - 21
3.	Pelajar-pelajar	22 - 26
4.	PIBG	27 - 35
5.	Tugas sebagai guru	36 - 43
6.	Tempat dan persekitaran	44 - 49
7.	Dasar-dasar pendidikan	50 - 54

Item-item soal selidik berdasarkan kategori punca-punca kebimbangan adalah seperti berikut :

### **A . Pihak pengurusan dan pentadbir ;**

Soalan-soalan yang diajukan adalah lebih menjurus kepada bagaimana pihak pengurusan dan pentadbir menguruskan sekolah berdasarkan pandangan guru-

guru yang dipilih untuk menjawab soal selidik. Item-item soalan yang perlu dijawab oleh guru adalah seperti :

1. Mentadbir secara paksaan
2. Mentadbir dengan menggunakan ugutan.
3. Mengkritik kerja-kerja yang tidak bermutu secara terbuka.
4. Enggan menjelaskan tindakan.
5. Bertindak tanpa berunding dahulu dengan guru.
6. Mendedahkan masalah peribadi guru.
7. Tidak menerima cadangan guru-guru.
8. Tidak perihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru.
9. Tidak mendapatkan persetujuan guru-guru terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting.
10. Mengenakan tekanan terhadap guru.
11. Harapan pihak pentadbir yang terlalu tinggi terhadap guru-guru.
12. Pelbagai corak iklim sekolah.
13. Pelbagai budaya sekolah.
14. Sikap pilih kasih dalam penilaian prestasi untuk kenaikan gaji (SSM).
15. Melanjutkan pelajaran tidak digalakkan.
16. Mengikuti kursus dalam perkhidmatan tidak digalakkan.

### **B. Rakan sekerja ;**

Soalan-soalan yang diajukan adalah lebih menjurus kepada bagaimana perhubungan dalam kalangan guru di tempat bertugas berdasarkan pandangan guru-guru yang dipilih untuk menjawab soal selidik. Item-item soalan yang perlu dijawab oleh guru adalah seperti :

1. Sikap tidak mesra di kalangan guru-guru.
2. Rakan sekerja yang suka mengadu kepada pihak pentadbir.
3. Kritikan negatif oleh rakan sekerja.
4. Rakan sekerja yang tidak bekerjasama
5. Sikap suka berpuak-puak.

### **C. Murid-murid ;**

Item-item soalan adalah menjurus kepada pandangan guru terhadap sikap dan tingkahlaku murid-murid yang belajar di sekolah tersebut. Item-item soalan adalah seperti berikut :

1. Sikap dan penerimaan murid terhadap pengajaran.
2. Pengurusan ,kawalan kelas dan murid bermasalah disiplin .
3. Reaksi murid terhadap tindakan guru.
4. Hubungan murid dan guru yang tidak mesra.

5. Murid tidak berminat dalam pelajaran.

#### **D. PIBG :**

Item soalan soal selidik adalah lebih menjurus kepada pandangan guru terhadap sikap dan kerjasama yang diberikan oleh PIBG di sekolah menengah yang dikaji. Item -item soalan adalah seperti berikut :

1. Berkongsi ilmu dan pengalaman dengan guru-guru.
2. Penglibatan dalam memajukan prestasi akademik pelajar.
3. Sumbangan pemikiran dan idea-idea baru.
4. Sumbangan kewangan dan tenaga.
5. Bekerjasama dengan pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah salahlaku pelajar.
6. Membina hubungan yang rapat dengan pihak sekolah berkaitan perkembangan anak-anak.
7. Sikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak.
8. Sikap suka menyalahkan pentadbir sekolah dan guru.
9. Reaksi terhadap pihak sekolah apabila anak dikenakan tindakan disiplin.

#### **E. Tugas sebagai guru ;**

Punca kebimbangan berikutnya adalah tugas-tugas harian yang dilakukan oleh seseorang guru. Item soalan adalah menjurus kepada pandangan guru terhadap tugas-tugas yang dipikul oleh seseorang guru. Soalan-soalan tersebut adalah seperti berikut :

1. Mengajar pelajar lemah atau lembam.
2. Mengajar mata pelajaran yang bukan opsyen.
3. Proses pencerapan oleh pihak pentadbir.
4. Tugas bukan mengajar yang dipertanggungjawabkan.
5. Mengajar lebih waktu.
6. Dipaksa mengadakan kelas tambahan.
7. Aktiviti sekolah pada hujung minggu.
8. Beban kerja yang terlalu banyak.

#### **F. Tempat dan persekitaran ;**

Salah satu dari punca utama kebimbangan ialah tempat dan persekitaran berkerja guru-guru. Oleh yang demikian item-item soalan soal selidik berikutnya adalah menjurus kepada kesesuaian dan masalah yang dihadapi oleh guru berkaitan tempat dan persekitaran bertugas mereka. Item-item tersebut adalah seperti :

1. Penempatan tempat bertugas yang tidak sesuai.
2. Jauh dari bandar.
3. Sukar mendapat kenderaan ke sekolah.
4. Jarak dari rumah ke sekolah.
5. Persekutaran yang tidak sesuai untuk bertugas.
6. Persekutaran yang tidak menggalakkan perkembangan dan percambahan idea guru dan pelajar.

#### **G. Dasar-dasar pendidikan ;**

Punca kebimbangan terakhir yang dijangkakan menjadi punca kebimbangan yang utama ialah yang berkaitan dengan dasar-dasar pendidikan. Item-item soalan soal selidik adalah seperti berikut :

1. Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris.
2. Penggunaan komputer dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
3. Pemberian elaun kritikal pada guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris,Sains dan Matematik sahaja.
4. Hilang peluang kenaikan kerana gagal menguasai Bahasa Inggeris.
5. Terpaksa menghadiri kursus dalam perkhidmatan.

### **3.4: Pentadbiran Soalselidik**

Proses soalselidik dijalankan selepas mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia serta kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor diperolehi. Kebenaran dan kerjasama dari warga sekolah terutamanya pengetua dan guru-guru yang terlibat juga telah diperolehi. Seterusnya bagi memudahkan urusan pengedaran borang soal selidik, penyelidik menguruskan sendiri pengagihan kertas soal selidik kepada guru-guru di sekolah-sekolah yang terlibat.

### **3.5 : Kaedah Analisa Data**

Data mentah yang telah dikumpul, dianalisa dengan menggunakan statistik mudah seperti kekerapan, peratus dan min. Data yang terkumpul disusun mengikut pembolehubah yang telah ditetapkan iaitu jantina guru-guru yang menjawab soal selidik. Data diproses untuk mencari kekerapan min dan peratusan. ANOVA satu hala telah gunakan untuk menentukan perhubungan tahap keimbangan guru-guru berdasarkan jantina.

Data dari bahagian D iaitu senarai daftar istilah yang menunjukkan punca keimbangan disusun berdasarkan permarkahan skala likert seperti berikut:

1. Sangat Tidak Bimbang.

2. Tidak Bimbang.
3. Kadang-kadang Bimbang .
4. Bimbang.
5. Sangat Bimbang.

Sebanyak 54 item daripada tujuh kategori telah disenaraikan untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap dan punca kebimbangan guru-guru. Responden menandakan angka yang sesuai dengan dengan sesuatu item berdasarkan pengalaman sedia ada yang pernah dilalui sendiri oleh responden. Data-data yang diperolehi daripada 73 orang guru dianalisis berdasarkan interpretasi skor min (jadual 3.3) untuk menentukan tahap kebimbangan guru-guru.

Jadual 3.3 : Skala Tahap Kebimbangan

1.00 - 2.33	Tidak bimbang
2.34 - 3.66	Bimbang
3.67 - 5.00	Sangat bimbang

Bab ini telah menghuraikan metodologi kajian yang dijalankan dengan menggunakan kaedah soal selidik terhadap sekumpulan guru-guru yang sedang mengajar di beberapa buah sekolah di Pelabuhan Klang. Bab yang seterusnya akan menerangkan mengenai pengumpulan data dan hasil daripada penganalisaan data tersebut.